

Lelaki rogol anak tiri dipenjara 15 tahun, 15 sebat

BH 19/8/14 ms 23

Temerloh: Mahkamah Sesyen di sini, semalam, menjatuhkan hukuman penjara 15 tahun dan 15 sebatan ke atas seorang lelaki, selepas mengaku bersalah merogol anak tirinya berusia 13 tahun, dua tahun lalu. Tertuduh melakukan perbuatan itu sehingga mangsa melahirkan bayi perempuan yang kini berusia 12 bulan.

Hakim Jamaludin Mat memutuskan hukuman itu terhadap tertuduh yang berusia 37 tahun dan memerintahkan hukuman berkenaan bermula dari tarikh dia ditahan, iaitu kelmarin.

Tertuduh didakwa melakukan perbuatan itu di sebuah rumah tidak bernombor di sebuah kampung dekat sini, pada tahun 2012.

Dia didakwa mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan iaitu rogol.

Bapa kandung mangsa membuat laporan polis pada 10 April 2013, selepas mengesyaki anaknya dirogol oleh tertuduh sehingga melahirkan seorang bayi di Hospital Sultan Ahmad Shah (HOSHAAH), Temerloh, pada 11 Februari tahun sama.

Ujian DNA dijalankan kemudiannya mengesahkan bahawa tertuduh adalah bapa kepada bayi itu dan polis menahan tertuduh di rumahnya di sini, kelmarin.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Nik Rabiatul Adawiah Saupi, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.



Tertuduh diiringi anggota polis selepas Mahkamah Sesyen Temerloh menjatuhkan hukuman penjara 15 tahun dan 15 sebatan selepas mengaku merogol anak tirinya.